

16/10/1997

Ahmad Husni pengerusi baru PTPTN

AHLI Parlimen Tambun, Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mulai 1 November ini.

Pelantikan untuk tempoh selama dua tahun itu dibuat dengan persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perkara itu diumumkan oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pasca-Kabinet di Kementerian Pendidikan, semalam.

Ahmad Husni, 45, berasal dari Ipoh dan memiliki Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) dari Universiti Malaya.

Beliau yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan pernah berkhidmat di sebuah bank saudagar serta menjadi Pengurus Besar Yayasan Pembangunan Islam Perak.

PTPTN ialah perbadanan yang bertanggungjawab mentadbir dan mengendalikan tabung pendidikan tinggi nasional untuk memberi pinjaman kepada pelajar yang layak melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta.

Beroperasi mulai 1 November ini, PTPTN ditubuhkan mengikut Akta PTPTN 1997 yang diwartakan pada 1 Julai lalu dan berpejabat di Wisma Chase Perdana (bekas pejabat Bursa Saham Kuala Lumpur) di ibu negara.

Najib juga mengumumkan pelantikan ahli Lembaga Pengarah PTPTN yang lain. Mereka ialah Peguam Negara atau wakilnya, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan atau wakilnya, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakilnya, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri atau wakilnya, Datuk Dr Ahmad Zaharuddin Idrus (Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia), Prof Datuk Dr Ishak Tambi Kechik (Naib Canselor Universiti Sains Malaysia).

Beliau akan mengumumkan tiga lagi ahli Lembaga Pengarah PTPTN, termasuk seorang wakil institusi pengajian tinggi swasta serta dua orang berdasarkan kebolehan dan pengalaman mereka.

Menurut Najib, perbadanan itu akan diuruskan oleh 33 pegawai dan kakitangan yang diketuai seorang ketua pegawai eksekutif (CEO).

Katanya, pelantikan kakitangan itu dibuat mulai pertengahan bulan ini manakala Pengarah Institut Pembangunan dan Keusahawanan Universiti Utara Malaysia, Prof Madya Dr Sudin Haron dilantik sebagai CEO secara pinjaman untuk tempoh dua tahun mulai 1 November ini.

(END)